

Pekerja ladang warga asing bunuh rakan senegara dipenjara 30 tahun berserta 12 sebatan

SIBU: Seorang pekerja ladang warga asing dijatuhi hukuman penjara 30 tahun berserta 12 sebatan oleh Mahkamah Tinggi di sini, semalam setelah disabitkan bersalah membunuh rakan senegara di sebuah ladang sawit di Mukah pada 15 Disember tahun lepas.

Tertuduh, Rosianto, 33, dijatuhi hukuman itu oleh hakim Alvin Leong Yin Yuan selepas mengaku bersalah atas pertuduhan membunuh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Seksyen ini memperuntukkan hukuman mati atau hukuman penjara tidak kurang daripada 30 tahun dan tidak melebihi 40 tahun, berserta sebatan tidak kurang daripada 12 kali.

“Mahkamah berpuas hati bahawa tertuduh memahami sifat dan akibat pengakuan bersalahnya serta berhasrat untuk mengakui kesalahan yang didakwa terhadapnya.

“Saya juga berpuas hati bahawa tertuduh telah mengakui fakta kes dan eksibit-ekshibit tanpa sebarang keraguan dan tanpa bersyarat.

“Oleh yang demikian, saya merekodkan sabitan terhadap tertuduh atas kesalahan membunuh yang boleh dihukum di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan,” ujar Leong ketika membacakan keputusannya.

Ketika menjatuhkan hukuman, beliau turut mengambil perhatian terhadap kesan berat hukuman sebatan dan selanjutnya berpendapat bahawa pembunuhan tersebut tidak dirancang terlebih dahulu, memandangkan terdapat ancaman yang dibuat terhadap ibu tertuduh pada hari kejadian.

“Atas alasan ini dan semua alasan lain yang dikemukakan oleh pihak peguam, saya menjatuhkan hukuman 30 tahun penjara dan 12 sebatan terhadap tertuduh,” katanya.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Mark Kenneth Netto memohon kepada mahkamah agar menggunakan budi bicara statutori di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan Akta 846 untuk menjatuhkan hukuman penjara 35 tahun dan 12 sebatan terhadap tertuduh.

Mengikut pertuduhan, Rosianto didakwa membunuh Ahmad Rifai pada 15 Disember 2024, kira-kira jam 6 petang, berhampiran kuarters pekerja di sebuah ladang sawit di Mukah.

Berdasarkan fakta kes, pada 15 Disember 2024, kira-kira jam 6 petang, berlaku satu pergaduhan melibatkan tertuduh dan si mati berhampiran kuarters pekerja di ladang tersebut.

Semasa kejadian tersebut, tertuduh mengejar si mati dan ketika dikejar, si mati terjatuh ke tanah lalu mencapai sebatang besi berhampiran dan menggunakannya untuk menghalang tertuduh.

Tertuduh kemudian dengan sengaja menyebabkan kecederaan tikaman yang menembusi tubuh si mati, termasuk satu luka tikaman tembus pada bahagian leher dan satu luka tikaman tembus pada bahagian kiri perut.

Tertuduh kemudiannya melarikan diri ke kawasan blok ladang berhampiran, sementara mangsa kemudian ditemui terbaring di kawasan terbuka berhampiran kuarters pekerja dengan kecederaan parah.

Mayat mangsa kemudian dibawa ke Hospital Mukah dan seterusnya ke Hospital Sibu untuk bedah siasat, di mana punca kematian disebabkan luka tikaman pada leher dan perut.

Sehubungan itu, tertuduh telah ditangkap pada 17 Disember 2024 oleh pihak polis serta dibawa kepada penemuan sebilah pisau berukuran 23 sentimeter panjang yang digunakan dalam kejadian di kawasan semak berhampiran kuarters pekerja ladang.

Siasatan turut mendapati bahawa sebelum kejadian tersebut telah berlaku perselisihan di tempat kerja antara tertuduh dan mangsa, di mana tertuduh pernah menerima teguran berkaitan kelewatan dan ketidakhadirannya di tempat kerja.

Sekitar November 2024, semasa berlaku pertengkaran tertuduh telah mengugut untuk mencederakan si mati.

Ketika prosiding semalam, Rosianto yang diwakili peguam yang dilantik Ranbir Singh, memohon mahkamah mengenakan hukuman minimum penjara 30 tahun dan 12 sebatan.

Tertuduh dalam rayuan turut memberitahu telah berkahwin serta mempunyai dua anak perempuan masing-masing berumur lima dan tujuh tahun, selain keluarganya hidup dalam kemiskinan serta tidak mempunyai keupayaan kewangan untuk datang melawatnya di penjara.